

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, July 11, 2019 8:05 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ASEAN Dialogue Erat Hubungan Serantau Malaysia-Vietnam



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 JULAI 2019 / 8 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Amirullah Ikrami Akbar Jahan
Gambar oleh: PPA CAS

ASEAN DIALOGUE ERAT HUBUNGAN SERANTAU MALAYSIA-VIETNAM



UUM ONLINE: Vietnam - *ASEAN Dialogue* yang berlangsung di University of Social Sciences and Humanities, Vietnam National University (USSH-VNU), Ho Chi Minh, baru-baru ini diharap menjadi pemangkin untuk mengeratkan hubungan serantau khususnya antara Malaysia dan Vietnam.

Sesi dialog itu menjadi salah satu aktiviti penting bagi program mobiliti antarabangsa Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Alumni (PPA CAS) yang bertemakan '*Connectivity and Mobility Students in ASEAN*'.

Seramai lapan pelajar Persatuan Mahasiswa Inovasi (INOVA), UUM dan 10 pelajar Urban Explore Club, USSH-VNU telah menyertai sesi dialog tersebut yang turut mendapat kerjasama Vietnam-ASEAN Friendship Association dan Malaysia Business Chamber Vietnam.

Pada program itu, pelajar berpeluang bertukar pengalaman dan pandangan berkaitan aktiviti kemahasiswaan, di samping membincangkan peluang kerjasama pada masa hadapan.

Dialog ini turut mendapat kerjasama dari mobiliti mahasiswa negara ASEAN yang telah berkembang pesat sejajar dengan konsep komuniti ASEAN.

Presiden Vietnam-ASEAN Friendship Association yang juga Dekan Fakulti Pengajian Bandar, USSH-VNU, Prof. Madya Dr. Phan Thi Hong Xuan berkata, mahasiswa ASEAN perlu bekerjasama dalam program-program yang boleh mengeratkan hubungan serantau terutamanya Vietnam yang sedang berusaha keras membangunkan pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa.

Manakala, Dekan PPA CAS, Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad berkata, hubungan baik antara universiti ASEAN adalah penting bagi meningkatkan kerjasama dalam pembangunan mahasiswa serta program pertukaran pelajar.

Menurutnya, mewujudkan pembangunan bersama melalui kerjasama pragmatik akan menjadi cara baharu bagi kerjasama universiti di Malaysia dan Vietnam.

Sesi dialog ini juga turut disertai oleh Setiausaha Kehormat Malaysia Business Chamber Vietnam, Dr. Saraswathy Sinnakkannu yang sedia membantu mahasiswa UUM dalam memberikan khidmat nasihat dan mencari peluang-peluang mobiliti serta latihan industri di Ho Chi Minh.

Beliau yang berpengalaman luas sebagai seorang pendidik, kini terlibat secara langsung dalam membantu komuniti perniagaan Malaysia di Vietnam.

Turut serta Timbalan Dekan PPA CAS, Dr. Mohd Farhan Mohd Mohsin dan Pengarah Unit Perkhidmatan Dan Sokongan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Rajwani Md Zain dan pegawai kanan USSH-VNU.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.